

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 16 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan FELDA untuk mengembalikan semula Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dalam memegang saham 51% dalam FELDA Holding yang banyak memberi faedah dan pendapatan tambahan kepada peneroka seperti sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPF) merupakan entiti yang berasingan daripada FELDA dimana KPF mempunyai Lembaga Pengarah dan Pengurusan yang tersendiri. Pelupusan 51% kepentingan KPF dalam Felda Holdings Berhad (FHB) pada tahun 2013 adalah dibuat berdasarkan keputusan Lembaga KPF dengan strategi syarikat yang telah ditentukan.

2. FELDA pula mempunyai pegangan sebanyak 33.66% ke atas FGV Holdings Berhad (FGV), secara tidak langsung turut mempunyai kepentingan dalam FHB. Dari sudut ini, FELDA menggunakan pengaruhnya melalui perwakilan Lembaga Pengarah FGV akan sentiasa komited dalam memastikan kepentingan FELDA khasnya peneroka terjamin di mana setiap perancangan dan pelan transformasi yang dicadangkan oleh FGV akan benar-benar dipastikan memberi nilai tambah kepada peneroka.

3. Antara usaha yang dijalankan adalah memastikan operasi kilang sawit FGV sentiasa produktif dan efektif dalam memberi pulangan Kadar Perahan Gred (KPG) yang lebih tinggi kepada peneroka melalui hasil ladang yang dihantar. Selain itu, prestasi anak syarikat FGV terutama FHB sentiasa dipantau ketat dari aspek operasi agar boleh menjana pendapatan tinggi seterusnya diterjemah dalam pulangan kadar dividen saham yang baik kepada peneroka.

Sekian, terima kasih.